

Info

PPA1M

- Mula diperkenalkan pada awal 2013
- Bantu penjawat awam memiliki rumah berkualiti di lokasi strategik
- Harga rumah ditawarkan lebih rendah antara 20 hingga 30 peratus daripada harga pasaran
- Skim dilaksanakan berasaskan konsep Bina-Kemudian- Jual (BKJ)

- Potongan gaji hanya dibuat selepas rumah siap dan mendapat hak milik
- Semua penjawat awam layak membeli rumah PPA1M termasuk kakitangan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa negeri, pihak berkuasa tempatan, badan berkanun Persekutuan dan badan berkanun negeri

[FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/BH]



Majlis pelancaran Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) @ Metropolitan Kepong (MRR2) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada 26 Mei 2017.



PPA1M di Taman Berlian, Rantau, Negeri Sembilan.

[FOTO IQMAL HAQIM ROSMAN/BH]



PPA1M Larai, Presint 6 Putrajaya.

# PPA1M bantu penjawat awam miliki aset

BH. 5/9/2017, ms. 7

➔ Program tawar rumah berkualiti di lokasi strategik pada harga mampu milik

Oleh Haryani Ngah  
aryani@bh.com.my

Putrajaya

**K**erajaan sentiasa prihatin dengan keperluan dan kesejahteraan penjawat awam bukan saja ketika dalam perkhidmatan tetapi sepanjang hayat mereka.

Antara usaha dilaksanakan bagi memastikan kesejahteraan penjawat awam adalah menerusi program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) yang mula diperkenalkan pada awal 2013.

PPA1M adalah cetusan idea Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Dr Ali Hamsa bertujuan membantu penjawat awam memiliki rumah berkualiti di lokasi strategik pada harga dalam lingkungan kemampuan mereka.

Pada Majlis Penyerahan Kunci PPA1M Aspen, Taman Kuantan Jaya, Kuantan, Pahang, baru-baru ini, Ali berkata, keutamaan prog-

ram ini untuk penjawat awam di kawasan bandar yang berdepan kos hidup tinggi dan kumpulan sasarannya adalah golongan berpendapatan rendah serta sederhana dan penjawat awam muda.

"Penjawat awam hanya menjalankan tugas, meningkatkan produktiviti dan menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

"Kerajaan akan terus menjaga kebajikan penjawat awam dan PPA1M ini adalah satu daripada aspek kebajikan yang diberikan kerajaan kepada penjawat awam," katanya

Kerajaan sedar sebahagian besar penjawat awam dalam kategori golongan yang tidak mampu memiliki rumah di pasaran terbuka.

Harga rumah di pasaran terbuka pada masa kini adalah RM350,000 ke atas dan kumpulan pekerja bergaji kurang RM3,000 sebulan, dikategorikan tidak mampu membeli rumah pada harga berkenaan.

## Tawar rumah bersesuaian

Sehubungan itu, kerajaan memperkenalkan skim ini yang menawarkan rumah bersesuaian dengan kehendak dan kemampuan sebahagian penjawat awam.

Justeru, penjawat awam tidak harus melepaskan peluang memiliki rumah menerusi skim ini kerana harga ditawarkan lebih rendah antara 20 hingga 30 peratus daripada harga pasaran.

Harga ditetapkan antara RM90,000 hingga RM300,000 dengan keluasan 850 kaki persegi hingga 1,500 kaki persegi bagi rumah apartmen atau strata, manakala 1,000 kaki persegi ke atas bagi rumah teres tiga bilik tidur dan dua bilik air.

Diskaun diberikan pemaju sekitar lima hingga 10 peratus dan subsidi diberikan kerajaan di antara RM30,000 hingga RM50,000 seunit, menjadikan harga rumah ini lebih rendah.

Walaupun harga ditawarkan itu jauh lebih rendah berbanding harga pasaran, tetapi kualitinya mematuhi spesifikasi kemas ditetapkan.

Jenis dan saiz rumah ditawarkan adalah berbagai termasuk apartmen, teres, berkembar, rumah bandar dan banglo tertakluk kepada kesesuaian lokasi serta permintaan.

Skim ini dilaksanakan berasaskan konsep Bina-Kemudian-Jual (BKJ) dengan varian 10:90 iaitu pemaju perlu membina dan menyiapkan rumah dengan menerima bayaran 10 peratus ketika menandatangani Perjanjian Jual-Beli, manakala baki 90 peratus akan diterima sepenuhnya selepas Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) menduduki dikeluarkan.

Sehubungan itu, pembeli tidak perlu khawatir kemungkinan rumah terbelang, bahkan akan mendorong pemaju menyiapkan

rumah dengan segera supaya dapat menerima bayaran 90 peratus dengan cepat.

Satu lagi kelebihan kepada pembeli mengikut konsep BKJ ini adalah potongan gaji hanya dibuat selepas rumah berkenaan siap dan mendapat hak milik.

Contohnya, jika rumah berkenaan siap dalam tempoh 24 bulan, potongan gaji bagi pinjaman perumahan akan dibuat pada bulan ke 25.

## Projek ada di seluruh negara

Peluang membeli rumah PPA1M adalah luas dan terbuka kerana projek PPA1M ada di seluruh negara. Pada masa ini, 130,000 unit rumah diluluskan untuk pelaksanaan dan 3,488 unit daripadanya sudah diserah kunci, manakala baki nya sedang dalam peringkat pelaksanaan dengan sasaran ditetapkan untuk mencapai 200,000 unit menjelang tahun 2020.

Semua penjawat awam layak membeli rumah PPA1M termasuk kakitangan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa negeri, pihak berkuasa tempatan, badan berkanun Persekutuan dan badan berkanun negeri.

Kelayakan ini termasuk penjawat awam bertaraf kontrak dan telah berpencen, tetapi keutamaan diberi kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana, pembeli rumah pertama serta pembeli

di kawasan sekitar tempat kerja.

Pemilikan rumah mengikut skim ini dikenakan moratorium 10 tahun iaitu rumah berkenaan tidak boleh dijual dalam tempoh 10 tahun, sekali gus dapat mengawal spekulasi, seterusnya memastikan penjawat awam memiliki rumah berpotensi menjadi aset bernilai tinggi selepas satu tempoh.

Maklumat projek rumah PPA1M boleh diperoleh menerusi laman web atau portal PPA1M dan pembeli berpeluang membuat pilihan rumah serta mendaftarkan permohonan. Tempoh mendaftar permohonan terhad dan mengikut kesesuaian antara satu hingga dua bulan saja.

Pemilihan pembeli akan dibuat sepenuhnya melalui Sistem Pengurusan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (SPPA1M).

Setakat ini, permohonan rumah PPA1M bagi setiap projek yang dibuka untuk pendaftaran melebihi langganan dua kali ganda terutama bagi projek di kawasan bandar.

Program ini adalah inisiatif khas untuk membantu penjawat awam dan pelaksanaannya dipantau KSN yang bertindak sebagai Pengerusi PPA1M bagi memastikan skim ini mencapai matlamat ditetapkan.

Selain itu, kerajaan tidak melantik mana-mana pihak atau ejen dalam urusan PPA1M dan sebarang pertanyaan boleh dirujuk terus kepada Unit PPA1M.